

Headline	Tangani perubahan iklim dengan mengubah gaya hidup anda		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	25,055	Readership	75,165
Section	Tempatan	Page No	3
ArticleSize	303 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,830		



FORUM



Kami mengalu-alukan surat/pendapat, tetapi hanya yang bertandatangan dan mengandungi nama penuh, alamat dan nombor telefon (jika ada) pengirim sahaja yang akan disiarkan. Sebaik-baiknya ditaip dan akan disunting agar lebih ringkas dan jelas. Bagaimanapun, kami menolak surat-surat yang telah dihantar untuk siaran di tempat lain. Oleh kerana banyaknya jumlah yang diterima, kami tidak boleh memulangkan surat yang tidak disiarkan. Nama samaran dibenarkan. Pandangan yang diberi juga tidak semestinya mencerminkan pendapat Harian Ekspres. Alamatkan surat anda kepada: Forum Harian Ekspres, Peti Surat 10139, 88801 Kota Kinabalu (Faks: 088-432555) Emel: Forum@dailyexpress.com.my

Tangani perubahan iklim dengan mengubah gaya hidup anda

SEJAK bertahun-tahun, Malaysia telah mengalami perubahan cuaca melampau, mengakibatkan kehilangan nyawa dan harta benda akibat banjir dan tanah runtuh yang teruk, dan juga mengganggu pengeluaran makanan.

Rakyat Malaysia tidak mempunyai alternatif selain menyertai komuniti global dalam mengurangkan kesan pemanasan global yang disebabkan oleh gas rumah hijau seperti karbon dioksida dan metana yang memerangkap haba yang terpancar dari permukaan Bumi ke angkasa.

Jangan leka berfikir bahawa kenaikan paras laut disebabkan oleh pencairan glasier dan litupan ais hanya akan menjejaskan negara tertentu.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menyeru rakyat Malaysia mengambil langkah untuk memperlambatkan kesan pemanasan global.

Pengurangan besar dalam pembebasan gas rumah hijau adalah pendekatan yang betul untuk mengurangkan dan memperlambatkan pemanasan global yang diramalkan oleh saintis akan membanjiri kawasan rendah, termasuk Malaysia.

Bagi mereka yang ragu-ragu terhadap pemanasan global, contoh yang sangat baik ialah negara pulau Pasifik tengah Kiribati, yang mana dua pulau Abanuea dan Tebua Tarawa telah tenggelam sepenuhnya pada 1999.

Untuk menangani pemanasan global memerlukan perubahan dalam gaya hidup kita. Kita perlu mengurangkan pengambilan kita, terutamanya daging, menggunakan pengangkutan awam dan mengelak pembaziran.

Pengangkutan, sebahagian besarnya berasaskan kereta dan motosikal

persendirian, menyumbang kepada 28 peratus daripada pelepasan gas rumah hijau dan industri ternakan menyumbang 19 peratus.

Kita mesti lebih banyak menaiki pengangkutan awam dan membanyakkan pengambilan makanan vegetarian.

Penggunaan tenaga kita mesti beralih daripada minyak dan gas kepada tenaga bersih. Memilih sumber tenaga lestari yang bersih seperti hidrogen, tenaga solar, kuasa angin, kuasa hidro dan kuasa gelombang adalah cara ke hadapan.

Malaysia, dalam peralihan kepada tenaga lestari yang bersih, menggunakan gas asli yang kurang mencemarkan untuk menghasilkan elektrik sambil melihat kepada pilihan yang lebih bersih.

Kerajaan harus menambah baik pengangkutan awam dan mengurangkan pemilihan kereta, sama seperti yang dilakukan Singapura.

Baru-baru ini dilaporkan bahawa jumlah kenderaan berdaftar telah mencecah 36.3 juta unit setakat Oktober 2023.

Hampir 24 juta aktif dengan lesen kenderaan bermotor yang sah. Bayangkan jumlah karbon dioksida dan bahan pencemar lain yang dikeluarkan oleh kenderaan ini apabila ia digunakan.

Oleh itu, pengguna boleh menimbangkan untuk memasang panel solar, mematikan peralatan elektrik apabila meninggalkan bilik dan membeli peralatan elektrik cekap tenaga.

Cara lain untuk menjimatkan tenaga boleh didapati di laman web Tenaga Nasional Berhad: <https://www.tnb.com.my/residential/energy-savings-at-home>.

Mohideen Abdul Kader
Presiden, CAP